


Kurikulum Bahasa Melayu

Format P6 2024



Cikgu Fitri

**Guru Bahasa Melayu (ML1) & Bahasa Melayu
Lanjutan**

Cikgu Norrehan

Guru Bahasa Melayu (ML 2)

- Sekolah Rendah Henry Park -

Matlamat Pembelajaran Bahasa Melayu

@ HPPS

- Murid-murid dapat menguasai bahasa Melayu dengan baik
- Penguasaan bahasa Melayu dapat diperkembangkan dengan aktiviti-aktiviti yang bersifat interaktif
- Membina keyakinan murid-murid untuk bertutur dalam bahasa Melayu dengan memberi galakan, pujian dan teguran membina
- Memperkayakan pemahaman murid-murid akan budaya masyarakat Melayu
- Bekerjasama sebagai satu unit di dalam kelas
- Pembelajaran bahasa Melayu secara menyeronokkan



Program Jabatan Bahasa Melayu @ HPPS 2024

Berikut adalah senarai aktiviti-aktiviti yang dirancangkan:

- **Projek Bahasa & Peraduan Kelas:**
- Dijalankan di kelas. Kerja secara individu. Projek & peraduan yang berkaitan dengan budaya atau kemasyarakatan dan akan berlangsung pada penggal ketiga sempena sambutan bulan bahasa.

Konsert Hari Raya Aidilfitri:

- Pelajar akan dipilih untuk melibatkan diri dalam beberapa latihan tarian, nyanyian atau lakonan, bagi menyerikan sambutan Hari Raya

Perkhemahan Budaya (Penggal 3):

- Butiran lanjut akan diberikan
- Pelajar akan diperkenalkan kepada budaya Melayu



Platform ICT untuk Pembelajaran Dalam Talian di HPPS

- SLS

The screenshot shows a web browser window with the URL <https://vlelearning.moe.edu.sg/login>. The page is titled "SINGAPORE STUDENT LEARNING SPACE" with the tagline "LEARN ANYTIME, ANYWHERE, AT ANY PACE". It features two input fields for "Username" and "Password", and two buttons at the bottom: "FORGOT PASSWORD" and a large blue "LOGIN" button. The left side of the page has a large watermark-like text "SINGAPORE STUDENT LEARNING SPACE" where "APORE" and "LEARNING" are in yellow.

SINGAPORE STUDENT LEARNING SPACE
LEARN ANYTIME, ANYWHERE, AT ANY PACE

Username

Password

FORGOT PASSWORD LOGIN

Technical Support Login Troubleshooting Terms of Use Privacy Statement
Copyright © 2018 Ministry of Education, Singapore. All rights reserved.

reading.pdf

11:22 PM 14/1/2019

FORMAT PENILAIAN 2024

BAHASA MELAYU (BM)



Format PSLE

Kertas	Markah
Kertas 1 Karangan berdasarkan topik atau Karangan Bergambar <ul style="list-style-type: none">• (2 pilihan, tulis satu sahaja)• Bahasa – 20 markah & Isi 20 markah	40
Kertas 2 Penguasaan Bahasa (90 markah)	90
Kertas 3 Kefahaman Mendengar 7 Teks (3 - 4 Teks pendek, grafik, dialog)	20
Lisan a)Bacaan lantang (20 markah) b)Perbualan berdasarkan rangsangan video (30 markah)	50

Senarai kamus yang boleh digunakan untuk Peperiksaan Kertas 1 (2024)

APPROVED MALAY E-DICTIONARY

S/N	NAME and MODEL	PUBLISHER	APPROVED PERIOD
1	Global Translator / Model M188 e-dictionary (Kamus Bimbit Elektronik Riang Ria)	EDN-Media Consultant Pte Ltd	2021 - 2025

PREVIOUSLY APPROVED MALAY DICTIONARIES*

S/N	TITLE	PUBLISHER
1	Kamus Dewan (Edisi Kedua)	Dewan Bahasa dan Pustaka
2	Kamus Dewan (Edisi Ketiga)	Dewan Bahasa dan Pustaka
3	Kamus Dewan (Edisi Keempat)	Dewan Bahasa dan Pustaka
4	Kamus Pelajar (Terbitan KBSM)	Dewan Bahasa dan Pustaka
5	Kamus Pelajar (Terbitan Khas KBSM)	Dewan Bahasa dan Pustaka
6	Kamus Pelajar Bahasa Malaysia (Edisi Kedua)	Dewan Bahasa dan Pustaka
7	Kamus Pelajar Bahasa Malaysia (Terbitan Khas KBSM)	Dewan Bahasa dan Pustaka
8	Kamus Pelajar Bahasa Melayu Dewan (Edisi Kedua)	Dewan Bahasa dan Pustaka
9	Kamus Komprehensif Bahasa Melayu	Oxford Fajar Sdn. Bhd.

https://www.seab.gov.sg/docs/default-source/documents/list-of-approved-mtl-dictionaries_2024-exam.pdf

Contoh Kertas 2 Bahasa Melayu

berdasarkan format PSLE

Bahagian MCQ

(melorek jawapan di kertas OAS)

A: Melengkapkan teks dengan Perkataan Berimbuhan (20 markah)

Pendidikan Jasmani ialah salah satu mata pelajaran yang penting di sekolah-sekolah. Ia merupakan aktiviti gerak badan yang tetap dan (1)_____. Seperti mata pelajaran lain, Pendidikan Jasmani juga (2)_____ berdasarkan tahap umur murid-murid dan jenis (3)_____. Pendidikan Jasmani bertujuan membantu murid meningkatkan pengetahuan kesihatan, (4)_____ gaya hidup sihat dan memupuk sikap positif terhadap kesihatan.

- | | | |
|---|-----------------|---------------|
| 1 | (1) aturan | (2) beratur |
| | (3) diatur | (4) teratur |
| 2 | (1) dirancang | (2) merancang |
| | (3) perancang | (4) rancangan |
| 3 | (1) bergiat | (2) kegiatan |
| | (3) menggiatkan | (4) penggiat |
| 4 | (1) amalan | (2) beramal |
| | (3) mengamalkan | (4) pengamal |

B: Peribahasa (10 markah)

Cikgu Ratna mengumumkan nama-nama pelajar yang mendapat keputusan cemerlang dalam peperiksaan akhir tahun seorang demi seorang. Semua pelajar (11) yang pintar itu melonjak-melonjak kegembiraan. Mereka dengan (12) sompong berkata bahawa keputusan tersebut tercapai kerana kerja keras mereka sendiri.

Sikap Nasri pulak (13) seperti langit dengan bumi jika dibandingkan dengan rakan-rakan sedarjahnnya. Nasri, pelajar terbaik kelas itu amat kecewa akan sikap

- 11 (1) tahan hati
(2) tajam akal
(3) anak emas
(4) ringan tulang

- 12 (1) besar hati
(2) bawa nasib
(3) keras kepala
(4) hidung tinggi

- 13 (1) jujur
(2) tidak adil
(3) tidak malu
(4) sangat berbeza

C: Golongan Kata (10 markah)

Loceng telah berbunyi. Pelajar-pelajar dari Sekolah Rendah Sinaran tidak sabar untuk pulang ke rumah masing-masing. Pelajar-pelajar (16) _____ beg sekolah mereka sambil melangkah keluar dari dewan peperiksaan.

Maria berasa cemas apabila mendapati (17) _____ yang tadinya cerah telah bertukar menjadi mendung. Tidak lama kemudian, hujan turun dengan (18) _____.

Melangnya, Maria terlupa membawa payung. Pasti ibunya akan memarahimnya (19) _____ tidak membawa payung ke sekolah.

Maria termenung seketika sambil (20) _____ cara untuk pulang ke rumah. Mujurlah ibu Maria datang untuk menjemputnya pulang dengan menaiki kereta.

- 16 (1) menatang
(2) menjinjing
(3) menggalas
(4) menjunjung

- 17 (1) suhu
(2) cuaca
(3) warna
(4) musim

- 18 (1) kuat
(2) lebat
(3) berat
(4) cepat

- 19 (1) untuk
(2) kerana
(3) apabila
(4) semasa

D: Kefahaman 1 (10 markah)

Arahān: Baca petikan karangan di bawah ini dengan teliti.

Daun pandan ialah sejenis tanaman yang tumbuh tegak ke atas dan daunnya panjang meruncing. Warnanya hijau tua di pangkal dan hijau muda di hujung. Daun pandan juga berbau wangi dan rasanya yang unik membuatkan daun pandan sesuai untuk dijadikan perasa makanan, pewarna dan pewangi.

Pokok daun pandan banyak terdapat di Asia. Pokok pandan jarang terdapat secara meliar tetapi ditanam dengan meluas bagi perisa dalam masakan. Daunnya digunakan segar atau dikeringkan. Di negara-negara yang tiada pokok pandan, daun pandan dijual bentuk beku di kedai runcit Asia.

Daun pandan ada banyak kegunaannya. Ia memiliki ~~aroma yang menarik~~ perisa masakan Asia, terutama hidangan nasi dan kuih. Misalannya, ; **21** Daun pandan sesuai dijadikan perisa makanan kerana daun pandan _____
akan dibalut dengan daun pandan dan dibakar atau digoreng dalam mi
Dengan cara ini, rasa daun pandan akan meresap ke dalam ayam

21 Daun pandan sesuai dijadikan perisa makanan kerana daun pandan _____

- (1) panjang meruncing
- (2) tumbuh tegak ke atas
- (3) mempunyai rasa yang unik
- (4) berwarna hijau tua di pangkal

22 Di negara-negara bukan Asia, daun pandan _____

- (1) tumbuh meliar
- (2) ditanam dengan meluas
- (3) dijual di kedai runcit Asia
- (4) digunakan dalam bentuk segar

23 Rasa daun pandan akan meresap ke dalam ayam jika daun pandan itu _____

- (1) dimasak dengan lauk-pauk
- (2) digunakan sebagai haruman
- (3) dimasukkan ke dalam periuk nasi
- (4) dibalut dengan bahan sebelum dibakar

Bahagian OE/FIB

(menulis jawapan di Buku Jawapan yang disediakan)

E: Frasa (8 markah)

- (1) di pasar raya
- (2) terdapat di kedai
- (3) susu kambing segar
- (4) makanan yang berlemak
- (5) mempunyai banyak khasiat
- (6) kekurangan kalsium di dalam badan

Hana: Amin, apa yang sedang awak minum itu?

Amin: Saya sedang minum (**26**) _____, Hana. Awak mahu sedikit? Sedap rasanya.

Hana: Tidak mengapa, Amin. Saya tidak pernah tahu apa rasanya. Saya hanya suka air Milo.

Amin: Ya, Hana. Selain rasanya yang enak, ia (**27**) _____. Bukan hanya badan kita menjadi cergas tetapi tulang belakang akan bertambah kuat.

F: Kefahaman 1 - Rangsangan Grafik (10 markah)

MATIKAN rokok anda sekarang!

Katakan TIDAK kepada merokok!

Jauhkan diri daripada mereka yang sedang merokok.

Elakkan daripada berdiri bersama ketika mereka sedang merokok.

Jangan mudah dipengaruhi untuk menghisap rokok.

Lakukan kegiatan-kegiatan yang berfaedah seperti bersukan.



Merokok akan menyebabkan

- Mulut berbau dan gigi yang kuning
- kekuatan stamina merosot
- sering berasa letih dan tidak bertenaga
- risiko menghadapi barah paru-paru dan serangan sakit jantung

MEROKOK JUGA BOLEH MENJADI PUNCA KEMATIAN!

Untuk mendapatkan bantuan berhenti merokok, hubungi talian 1900 - 545 2361.

Sebelum rokok MERAGUT nyawa anda.

Anda boleh melungsi laman web www.berhentimerokok.com atau e-mel kepada Puan Siti Maizurah di maizurah@gmail.com untuk maklumat lanjut.



30 Perokok mungkin akan mengalami pelbagai kesan yang

- membawa maut
- membuat rasa bertenaga
- meningkatkan kekuatan stamina
- mempunyai risiko tinggi menghadapi tekanan

31 Untuk berhenti merokok, anda boleh _____.

- mendapatkan maklumat lanjut
- menghantar e-mel kepada Puan Siti Maizurah
- melungsi laman www.berhentimerokok.com
- menghubungi talian 1900-545236 untuk bantuan

32 Cara-cara untuk mengelakkan diri daripada terpengaruh dengan merokok ialah dengan

- bersukan
- menghidu asap rokok
- berada bersama-sama dengan orang yang merokok
- berdiri bersama-sama mereka yang sedang merokok

33 Kawan kamu mengajak kamu untuk cuba merokok. Kamu tahu akan bahayanya merokok dan ingin menerangkan kepadanya akan kesan-kesan buruk yang boleh dialami jika seseorang itu merokok. Terangkan kepadanya dua kesan buruk yang boleh dialami seseorang yang merokok.

Gunakan informasi dalam poster ini untuk melengkapkan pesanan ringkas bawah ini.

Adi, saya ingin memberitahu kamu bahawa saya tidak akan sesekali cuba untuk merokok kerana _____

Tuliskan jawapan kamu di dalam Buku Jawapan.

G: Kefahaman 2 – Petikan Karangan (22 markah)

Kefahaman 2 (22 markah)

Arahan: Baca petikan karangan di bawah ini dengan teliti.

Kasut bola yang diidam-idamkan akhirnya berada di hadapan mata. Kasut bola benjenama seperti yang dipakai oleh idolanya, Ronaldo, akhirnya menjadi miliknya. Elfy mengukir senyuman riang. Dia menyeluk sakunya untuk mengeluarkan dompetnya yang berwarna biru itu. Elfy membuka dompetnya dan melihat empat keping wang lima puluh dolar yang berada di dalam dompet itu. Elfy berasa bangga kerana telah berjaya mengumpulkan wang sebanyak itu dalam masa lima bulan sahaja. Elfy terpaksa mengikat perut untuk mendapatkan wang sebanyak itu.

Bagi Elfy, bukan dia tidak mahu meminta kasut itu daripada ibu bapanya. Elfy tidak mahu menyusahkan mereka. Maklumlah, mereka bukan daripada keluarga yang senang. Oleh kerana Elfy betul-betul mahukan kasut itu, dia bertekad untuk membelinya sendiri.

Ketika hendak membayar harga kasut itu, hati Elfy berasa gelisah. Tiba-tiba, dia rasa sayang untuk membazirkan duit hanya kerana kasut itu. Hatinya berbelah bahagi.

"Kalau aku berikan duit ini kepada Ibu, pasti dia dapat gunakan untuk perbelanjaan dapur. Aku rasa Ibu dan Ayah mungkin lebih memerlukan duit ini daripada aku. Kasut ini, aku beli lain kali sahaja," kata Elfy di dalam hati.


Setibanya di rumah, Elfy terus memberikan duitnya kepada Ibu. Elfy menyuruh ibunya menggunakan duit itu untuk membeli barang rumah. Ibu terperanjat tetapi hanya tersenyum. Dia terus menyuruh Elfy menukar pakaiannya. Apabila Elfy masuk ke dalam biliknya, dia menjerit kesukaan. Kasut idamannya ada di atas katilnya.

Arahan: Berdasarkan petikan karangan di halaman 12, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat kamu sendiri. Kemudian, tulis jawapan kamu di tempat kosong yang disediakan di dalam Buku Jawapan.

- 34 Nyatakan sebab Elfy tersenyum riang. (2 markah)
- 35 Berikan dua bukti yang menunjukkan kesungguhan Elfy untuk membeli kasut itu. (4 markah)
- 36 Mengapa Elfy tidak mahu meminta kasut itu daripada ibu dan bapanya? (2 markah)
- 37 Elfy ialah seorang anak yang bertimbang rasa. Berikan dua bukti untuk menyokong pernyataan ini. (4 markah)
- 38 Berikan satu bukti yang menunjukkan syahnya tahu akan keinginan Elfy. (4 markah)

FORMAT PENILAIAN 2024

BAHASA MELAYU LANJUTAN (BML)



Untuk Pengetahuan Waris:

Kelas Bahasa Melayu Lanjutan (BML)
diadakan setiap hari Selasa, dari pukul 2.15 ptg
hingga 3.45 ptg.

* Kehadiran pelajar yang mengambil BML diwajibkan.



Format PSLE (2024) BML

Kertas	Bil Item	Jenis Item	Markah
Kertas 1 Karangan (50min)	2, Pilih 1 (Jawapan Bebas, OE)	Berdasarkan topik / Menyambung cerita berdasarkan permulaan yang diberikan	40
Kertas 2 Penguasaan Bahasa	23 (FIB, OE)	Memadankan Peribahasa Mengedit Teks Kefahaman 1 Kefahaman 2	60

Contoh Kertas 2

Bahasa Melayu Lanjutan

berdasarkan format PSLE

Bahagian A : Memadankan Peribahasa (10 Markah)



(1) panjang akal	(2) tanam budi
(3) diam-diam ubi	(4) tajam ingatan
(5) bagai isi dengan kuku	(6) air dicencang tiada putus
(7) bagai lebah menghimpun madu	(8) seperti katak di bawah tempurung



- 1 Walaupun sudah saban hari mengerjakan perniagaan di butik kain itu, Kintan masih mengambil upah menjahit baju pada malamnya. Kadang-kala, Kintan akan menyertai kursus membuat kuih-muih tradisional di kelab masyarakat berdekatan. Semua ini dilakukannya dengan tujuan untuk menyara kedua-dua anaknya yang masih bersekolah.
- 2 Cikgu Samad terperanjat kerana anak muridnya, Norman, masih mengingatinya apabila mereka terserempak di masjid tadi. Walaupun sudah dua puluh tahun tidak bertemu, Norman tetap mengenali bekas guru sekolah rendahnya itu.
- 3 Herlina tidak mengikuti perbincangan ahli kumpulannya itu. Dia berasa malu kerana dia tidak tahu apa yang boleh dikongsinya tentang isu-isu semasa dalam perbincangan tersebut. Herlina sedar yang dia harus membaca suratkhabar mulai sekarang untuk mengetahui keadaan di seluruh dunia.

Bahagian B : Mengedit Teks (10 Markah)

Sejak terpilih mewakili pasukan bahas sekolahnya , Rena mula runsing. Dia kurang yakin terhadap dirinya dan meragui kemampuannya berhadapan dengan pihak lawan. Inilah kali pertama dia (6) **peserta** peraduan seperti ini.

Banyak yang difikirkannya. (7) **Walaupun** dia gagal, tentu kawan-kawan dan gurunya akan berasa hampa. Tambahan pula (8) **perlumbaan** itu akan disaksikan murid-murid dari sekolah-sekolah lain.

Walau bagaimanapun, Rena tidak mahu (9) **memhampakan** pasukan dan kawan-kawannya. Sikap kurang yakin (10) **ini** boleh menjelas peluang pasukannya untuk menang. Rena akan cuba sedaya-upayanya dan tidak akan berputus asa.

Bahagian C : Kefahaman 1 – (16 Markah)

Arahan : Baca petikan karangan di bawah ini dengan teliti.

Lembaga Perpustakaan Nasional (NLB) merupakan sebuah pertubuhan penting di Singapura. NLB menyediakan pelbagai khidmat untuk masyarakat Singapura dan di antaranya termasuk meminjamkan buku dan CD-ROM. Selain itu, NLB juga memainkan peranan penting dalam memupuk sikap membaca dalam diri kanak-kanak.

Bagi menggalakkan golongan kanak-kanak kerap mengunjungi perpustakaan, mereka diberikan keahlian secara percuma. Kanak-kanak tidak perlu membayar sebarang yuran. Mereka hanya perlu membawa sijil kelahiran dan kad pengenalan ibu atau bapa mereka sewaktu pendaftaran.

NLB membenarkan setiap anggotanya meminjam sebanyak empat buah buku dalam satu-satu masa. Seseorang anggota itu boleh meminjam buku-buku tersebut selama 21 hari. Tempoh pinjaman boleh dilanjutkan selama 21 hari lagi dengan membayar 50 sen bagi setiap buku yang dipinjam. Setelah itu, buku-buku tersebut harus dipulangkan. Jika buku-buku tersebut lewat dipulangkan, denda sebanyak 15 sen sehari bagi setiap buku akan dikenakan.

Memandangkan kanak-kanak merupakan ahli terbesar NLB, pelbagai aktiviti dan program dianjurkan khas untuk mereka. Contoh program yang pernah diadakan termasuk sesi interaktif mengenai etika ketika mengunjungi perpustakaan agar mereka dapat menjadi anggota perpustakaan yang bertanggungjawab.

- 12 Perenggan kedua menerangkan tentang cara-cara kanak-kanak boleh mendaftarkan diri sebagai ahli perpustakaan iaitu _____.

- 13 Pilih tajuk yang paling sesuai bagi petikan di halaman 3. Kemudian, bubuh tanda (✓) dalam petak yang disediakan di bawah ini bagi jawapan pilihan kamu itu. Berikan bukti untuk menunjukkan bahawa tajuk tersebut paling sesuai.

Pentingnya membaca dalam kehidupan kanak-kanak

NLB memupuk budaya membaca bagi kanak-kanak

_____ Tulis jawapan kamu di dalam Buku Jawapan. _____

(4 markah)

- 14 Nyatakan sama ada penerangan yang diberikan di bawah ini betul atau salah. Kemudian, berikan buktinya.



Penerangan	Betul/Salah	Bukti
Bayaran dikenakan kepada setiap ahli yang ingin meminjam sebarang jenis buku.		Tulis jawapan kamu di dalam Buku Jawapan.
Pelbagai program dan aktiviti dijalankan untuk kanak-kanak memandangkan mereka terdiri daripada salah satu golongan terbesar yang gemar membaca.		

(4 markah)

Bahagian D : Kefahaman 2 (24 Markah)

KEFAHAMAN 2 (24 MARKAH)

Arahan : Baca petikan karangan di bawah ini dengan teliti.

Manik-manik peluh membasahi dahinya apabila namanya dipanggil oleh guru. Semua mata tertumpu pada Sarah. Dia sentiasa mengalami kesukaran untuk membaca. Walaupun setiap perkataan yang terdapat pada buku bacaan itu kedengaran mudah dibaca oleh rakan-rakannya yang lain, Sarah pula teragak-agak. Gurunya telah memarahinya kerana tidak mampu membaca sebaik rakan-rakan yang lain. Dia mula menyedari bahawa dia tidak sepintar rakan-rakan sebayanya.

Sebaik sahaja pulang ke rumah, Sarah mendekati ibunya yang sedang sibuk menjalankan perniagaan dari rumah. Itulah satu-satunya punca rezeki mereka sejak ayah Sarah diberhentikan kerja. Namun, ibu bapanya tidak pernah berputus asa. Kini, ayahnya membantu dalam menguruskan dan menghantarkan pesanan kepada para pelanggannya. Mereka bertungkus-lumus bekerja bagi memastikan Sarah dapat terus ke sekolah tanpa sebarang masalah kewangan.

Sarah mula berbicara, "Sarah tidak mahu ke sekolah lagi, Ibu. Semua rakan mentertawakan Sarah. Cikgu Liza juga memarahi Sarah kerana tidak pandai membaca." Ibu Sarah tersentak mendengar kata-kata anak tunggalnya yang baru sahaja jejak darjah dua itu.

Kedua ibu bapa Sarah telah ke sekolah untuk berbincang tentang masalah yang dihadapi oleh Sarah. Mereka menerangkan bahawa Sarah mempunyai masalah disleksia sejak berusia 5 tahun. Pihak sekolah mula mencatatkan maklumat penting ini dan berjanji untuk memberikan sokongan terhadap Sarah. Cikgu Hani, seorang pendidik khas, telah dilantik bagi membimbing Sarah di sekolah. Setiap pagi, Cikgu Hani akan datang ke sekolah lebih awal bagi mengadakan latihan bacaan khas untuk Sarah. Di kelas, Cikgu Hani sentiasa menggalakkan para pelajar untuk memberikan perangsang buat Sarah dan tidak pernah memalukannya. Sarah semakin yakin tentang kebolehan dirinya. Dia bertekad untuk meraih keputusan yang cemerlang demi membalsas jasa Cikgu Hani dan ibu bapanya.

Arahan: Berdasarkan petikan karangan di halaman 8, jawab semua soalan yang berikut dengan menggunakan ayat kamu sendiri. Kemudian, tulis jawapan kamu di tempat kosong yang disediakan di dalam Buku Jawapan.

- 17 Apakah perkara yang menyebabkan Sarah berpeluh-peluh ketika namanya dipanggil oleh guru? (2 markah)
- 18 Sarah mula sedar bahawa dia tidak sepintar rakan-rakan sebayanya. Berikan sebab Sarah berfikiran demikian. (2 markah)
- 19 Berikan dua bukti yang menunjukkan bahawa ibu bapa Sarah mementingkan pendidikan Sarah. (4 markah)
- 20 Nyatakan dua tindakan terpuji Cikgu Hani terhadap Sarah. (4 markah)

Peringatan Untuk Pelajar (BM & BML)

Komponen	Perkara Penting
Lisan	<ul style="list-style-type: none">• Harus membaca dengan lantang / lancar• Mengaitkan pengalaman sedia ada ketika menjawab bahagian perbualan
Kertas 2	<ul style="list-style-type: none">• Memahami penggunaan peribahasa• Membaca setiap petikan (sekurang-kurangnya 2 kali) dengan baik sebelum menjawab soalan-soalan• Menggariskan jawapan-jawapan yang diperlukan untuk bahagian kefahaman
Karangan	<ul style="list-style-type: none">• Boleh menggunakan Kamus Dewan / E-Kamus sewaktu ujian PSLE• Membaca semula karangan (5 – 8 minit) sebelum waktu penghantaran

Tips untuk Ibu bapa

(bagi menggalakkan pembelajaran BM / BML di rumah)

- Ajukan soalan-soalan untuk membantu pemahaman mereka.
- Gunakan soalan-soalan ‘mengapa’, ‘bagaimana’, ‘apa kesannya’, ‘pada pendapat kamu’, ‘jelaskan’ dan ‘buktikan’ ketika membaca bersama-sama.
- Galakkan penggunaan kamus
- Bertutur dalam Bahasa Melayu dalam kegiatan harian.
- Menyediakan situasi kondusif untuk pembelajaran.
- Menyokong penggunaan ICT dalam pembelajaran.
- Bermain permainan bahasa bersama-sama.



Terima Kasih

Alamat e-mel:

fitri_kurniati_sanib@moe.edu.sg

norrehan_mohamad_jabbar@moe.edu.sg

